

**Belanjawan 2013: Golongan Kelas Pertengahan Tidak Diketepikan - Najib Bernama**  
**4 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak menyetepikan kepentingan golongan berpendapatan pertengahan dalam Belanjawan 2013, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata pelbagai insentif telah diwujudkan dalam usaha membantu golongan tersebut termasuk penurunan kadar cukai pendapatan sebanyak satu peratus bagi individu berpendapatan bercukai tahunan melebihi RM2,500 hingga RM50,000.

"Kita juga sediakan program perumahan untuk golongan berpendapatan pertengahan. Kita beri kemudahan lain yang boleh menguntungkan mereka seperti Skim Rumah Pertamaku.

"Golongan kelas berpendapatan pertengahan kita tak ketepikan, kita beri apa yang kita termampu untuk mereka," katanya pada Program 'Tanya Najib' yang disiarkan secara langsung di saluran 501 Astro Awani Rabu malam.

Program itu memberi peluang kepada rakyat untuk mengemukakan soalan berkaitan Belanjawan 2013 yang dibentangkan Jumaat lepas kepada Perdana Menteri melalui laman Twitter, Facebook, Google+ dan secara langsung melalui persidangan video.

Selain itu, Najib berkata peruntukan kos pentadbiran yang besar melibatkan sektor perkhidmatan awam adalah untuk merangsang motivasi penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cergas kepada rakyat.

Kerajaan bukan hanya memberi perhatian kepada 1.4 juta penjawat awam malah turut menjaga kebajikan anggota keluarga mereka, kata Najib, yang juga Menteri Kewangan.

Menjawab soalan mengenai manfaat kepada rakyat Sabah dan Sarawak daripada Belanjawan itu, beliau kerajaan menyediakan peruntukan yang agak besar untuk mengimbangi harga pasaran barang asas di dua negeri itu.

"Melalui program khusus ini, kita akan pastikan sekurang-kurangnya harga barang di Sabah dan Sarawak tidak akan jauh beza daripada Semenanjung.

"Di samping peruntukan yang kita masukkan dalam belanjawan tahunan untuk kawasan luar bandar, untuk kemudahan elektrik, air dan juga tangki air pada kampung-kampung termasuk rumah panjang," katanya.

Sementara itu, Najib berkata pelabur akan lebih yakin untuk menjalankan perniagaan di Malaysia apabila mereka melihat sebuah negara yang stabil dari segi politik, aman dan harmoni.

"Apabila mereka melihat Malaysia, mereka akan membandingkan kita dengan negara-negara lain. Apabila mereka suka apa yang mereka lihat tentang Malaysia...aman, harmoni, tiada demonstrasi jalan yang ganas...maka keyakinan di Malaysia pasti menjadi lebih tinggi.

"Sebagai sebuah negara, kita akan mendapat manfaat dari perspektif seperti ini," katanya semasa menjawab soalan mengenai sama ada belanjawan dan ekonomi negara akan terjejas dengan demonstrasi jalanan yang ganas dan huru-hara yang disebabkan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Mengulas usaha kerajaan membanteras jenayah, beliau berharap unit rondaan polis bermotosikal akan ditubuhkan secepat mungkin bagi mempertingkatkan pemantauan di kawasan perumahan bagi memastikan keselamatan awam.

Menurut Najib, kerajaan akan memperuntukkan RM20 juta bagi membeli 1,000 unit motosikal bagi unit rondaan tersebut.

"Saya amat teruja dengan program rondaan ini," katanya dalam program interaktif selama sejam itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699464>